

ANIH BERHAD TAWAR DISKAUN TOL 10% SEMPENA AIDILFITRI

- **Diskaun tol antara tanggungjawab sosial korporat ANIH Berhad kepada masyarakat menjelang Aidilfitri**
- **Terbitkan TTA bantu kurangkan kesesakan di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak**

Kuantan, 14 Jun 2017- Sempena sambutan Perayaan Aidilfitri yang bakal tiba tidak lama lagi, ANIH Berhad, syarikat konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1) mengumumkan pemberian diskaun tol 10% kepada semua kelas kenderaan yang menggunakan Touch 'n Go dan SmartTag sebagai mod pembayaran.

Pemberian insentif ini akan bermula dari jam 12.00 pagi hingga 11.59 malam pada 25 Jun 2017.

Pengarah Eksekutif ANIH Berhad, Dato' Nik Fauzi Nik Hussein berkata, diskaun tol diberikan adalah sebagai menghargai pengguna yang menggunakan KLK dan LPT 1 pada hari raya.

"Ini adalah antara tanggungjawab sosial korporat kami kepada masyarakat menjelang Aidilfitri tahun ini khususnya kepada pengguna setia lebuhraya kami," katanya pada Majlis Iftar Bersama Media Pahang di sini hari ini.

Selain daripada pemberian diskaun, syarikat juga menyediakan Jadual Cadangan Waktu Perjalanan (TTA) sebagai rujukan pengguna untuk merancang perjalanan ke Pantai Timur di musim perayaan ini.

"Apabila pengguna mematuhi TTA ini, ia secara tidak langsung dapat membantu mengelakkan kenderaan bertembung pada sesuatu masa yang sama di plaza tol, khususnya di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong dan Plaza Tol Karak hingga menyebabkan kesesakan," katanya.

Dalam pada itu, Dato' Nik Fauzi berkata bersempena Aidilfitri ini, purata harian kenderaan yang akan menggunakan KKL dan LPT 1 pada waktu puncak dijangka meningkat 73.8% kepada 245,000 kenderaan daripada kira-kira 141,000 kenderaan yang menggunakan dua lebuh raya berkenaan pada hari-hari biasa. Waktu puncak pada musim perayaan ini dijangkakan bermula dari 22 hingga 24 Jun 2017 (bagi kenderaan yang akan ke Pantai Timur) dan 27 hingga 28 Jun dan 1 hingga 2 Julai 2017 (bagi kenderaan yang pulang ke Kuala Lumpur).

Sehubungan itu, beliau berkata syarikat konsesi itu kini bersiap sedia dengan mengatur pelbagai strategi dalam memantapkan lagi operasi dan tahap perkhidmatan untuk membantu pengguna menikmati perjalanan yang selesa di sepanjang lebuh raya kendaliannya.

Katanya, antara langkah-langkah utama yang akan diambil pada musim perayaan ini adalah meningkatkan jumlah jurutol sebanyak 17% kepada 272 orang daripada 233 orang bagi membantu mempercepatkan lagi transaksi pembayaran tol secara elektronik dan tunai di semua plaza tol.

"Seramai 121 anggota pasukan bahagian trafik yang merangkumi LPT-Ronda, Pusat Kawalan Trafik (TCC), pengendali jentera berat dan tow truck akan bertugas selama 24 jam sehari. Selain itu, hampir 40 anggota Polis Lebuhraya, 36 anggota Bomba dan Penyelamat dan 30 anggota Angkatan Pertahanan Awam akan turut bersedia 24 jam di lokasi strategik untuk menyalurkan sebarang bantuan tambahan dan kecemasan kepada pengguna. Sejumlah 176 anggota RELA turut bertugas di semua plaza tol serta kawasan rehat," katanya.

Sementara itu, Dato' Nik Fauzi berkata untuk keselesaan pengguna dan kelancaran trafik di setiap plaza tol, pengguna disarankan untuk sentiasa memastikan baki kad Touch 'n Go mencukupi sebelum memasuki lebuh raya.

"Untuk makluman, lorong tambah nilai kad Touch 'n Go di plaza tol KKL dan LPT 1 akan beroperasi mengikut keadaan trafik. Sekiranya trafik mulai padat, operasi tambah nilai akan ditutup bagi mengelak kesesakan di plaza tol.

"Pegguna yang sudah memasuki KLK dan LPT 1 dan ingin membuat tambah nilai kad Touch 'n Go boleh mengunjungi mana-mana Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) kami di Plaza Tol Gombak, Plaza Tol Bentong, Plaza Tol Karak, Plaza Tol Temerloh dan Plaza Tol Kuantan yang beroperasi dari 7 pagi hingga 10 malam setiap hari," katanya.

Pegguna juga dinasihati untuk merujuk kepada jadual TTA di laman web ANIH Berhad di www.anihberhad.com, mengikuti laman Twitter rasmi ANIH Berhad di @LPTTrafik atau Facebook di Lebuhraya Pantai Timur untuk informasi terkini.

-Tamat-

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. ANIH Berhad juga adalah pemegang konsesi Lebuhraya KL-Seremban. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan AlloyMtd.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat
fazlyaton.hussein@alloymtd.com
2. Ahmad Farizal Abdul Hajar, Naib Presiden, Komunikasi Korporat
farizal.hajar@alloymtd.com
3. Sofia Roseli, Eksekutif, Komunikasi Korporat
sofia.roseli@alloymtd.com

Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:

**Jabatan Komunikasi
AlloyMtd Group**

1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6188 0101 Website : www.alloymtd.com